

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HGM 131 - Geografi Manusia

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan dari Bahagian A [WAJIB] dijawab dan jawab TIGA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Data lokasi dan data atribut dalam kajian geografi manusia datang dari pelbagai sumber dan format. Bincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh sistem maklumat geografi dalam menangani isu pengurusan data tersebut.

Bahagian B

2. [a] Huraikan maksud geografi budaya. [10 markah]
[b] Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan lima komponen utama dalam kajian geografi budaya. [15 markah]
3. [a] Huraikan nasionalisme etnik dalam geografi politik. [10 markah]
[b] Bincangkan sejauhmana perjuangan yang berlandaskan nasionalisme etnik telah berjaya menyelesaikan konflik sosial dan wilayah tertentu. [15 markah]
4. [a] Jelaskan ciri-ciri fungsi dan lokasi yang mempengaruhi aktiviti sektor pembuatan. [10 markah]
[b] Bincangkan sejauhmana ciri-ciri tersebut relevan dalam menjelaskan taburan aktiviti sektor pembuatan di Wilayah Semenanjung Malaysia. [15 markah]
5. [a] Jelaskan hierarki aktiviti runcit di kawasan berhampiran tempat kediaman anda. [10 markah]
[b] Bincangkan faktor-faktor tempatan yang mempengaruhi pola taburan aktiviti runcit tersebut. [15 markah]

6. [a] Jelaskan ciri-ciri bandar pasca-modern. [10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana penduduk pelbagai tahap pendapatan mampu menyara kehidupan sebagai penduduk bandar tersebut. [15 markah]
7. [a] Jelaskan hubungkait aktiviti-aktiviti manusia–alam sekitar yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar. [10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana penyertaan awam boleh meningkatkan kesan langkah pemuliharaan alam sekitar yang sedia ada. [15 markah]